

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status pengumuman cadangan menaikkan bantuan bulanan JKM yang sekarang RM300 kepada mereka yang layak dinaikkan RM1,000.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 30 Ogos 2020, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan cadangan kenaikan kadar bantuan daripada RM200 hingga RM300 kepada maksimum RM1,000 dengan tujuan untuk memenuhi keperluan asas (*basic needs*) dan meringankan beban penerima bantuan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan sesi libat urus bersama pihak Kementerian Kewangan berkaitan dengan cadangan YAB Perdana Menteri Malaysia bagi kenaikan kadar bantuan. Sehubungan itu, KPWKM telah mengemukakan cadangan kenaikan kadar bantuan JKM dalam Dasar Bajet Kementerian bagi tahun 2021 untuk perhatian dan pertimbangan Kementerian Kewangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN  
ISMAIL [ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bayaran royalti minyak dan gas yang diterima Kerajaan Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu untuk tahun bermula 2008 sehingga 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah bayaran hasil petroleum yang dibayar kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan dari tahun 2008 hingga 2020 berjumlah RM61.32 bilion.

2. Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) membuat bayaran tunai hasil petroleum sebanyak 5% secara terus kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak masing-masing. Bagi Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu pula, PETRONAS menyalurkan bayaran kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang seterusnya membuat bayaran kepada kedua-dua negeri tersebut.

3. Jumlah yang disalurkan bagi bayaran tunai hasil petroleum kepada negeri Sarawak dan Sabah serta bayaran khas petroleum kepada Terengganu dan Kelantan bagi tempoh 2008 hingga bulan Ogos 2020 adalah seperti berikut

- (i) Sarawak sebanyak RM25.3 bilion;
- (ii) Sabah sebanyak RM13.2 bilion;
- (iii) Terengganu sebanyak RM22.4 bilion; dan
- (iv) Kelantan sebanyak RM418.9 juta.

Sekian, terima kasih.